

SIGNIFIKAN WAKAF TUNAI DAN PROFIL GURU KE ATAS INOVASI SEKTOR PENDIDIKAN

THE SIGNIFICANCE OF CASH WAQF AND TEACHER PROFILES ON INNOVATION IN THE EDUCATION SECTOR

Rohayu Ab Majid¹
Mohd Eddy Erman bin Razali²
Rosli Said³
Siti Hasniza Rosman⁴
Suhana Ismail⁵

¹ Rohayu Ab Majid, Universiti Teknologi Mara (UITM), Malaysia (rohayumajid@uitm.edu.my)

² Mohd Eddy Erman bin Razali, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Malaysia (penyelidikan@mains.gov.my)

³ Rosli Said, IVPS Malaysia (dr.roslisaid@ivpsmalaysia.com)

⁴ Siti Hasniza Rosman, Universiti Teknologi Mara (UITM), Malaysia (sitihasniza@uitm.edu.my)

⁵ Suhana Ismail, Universiti Teknologi Mara (UITM), Malaysia (suhanaismail@uitm.edu.my)

*Corresponding author: rohayumajid@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Ab Majid, R., Razali, M. E. E., Said, R., Rosman, S. H., & Ismail, S. (2025). Signifikan wakaf tunai dan profil guru ke atas inovasi sektor pendidikan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 559 – 568.

Abstrak: Wakaf merupakan satu bentuk aset yang perlu diurus dengan berkesan bagi memastikan manfaat ekonomi islam dapat dinikmati oleh ummah dalam jangka masa pendek dan panjang. Sistem pengurusan wakaf yang tersusun dengan baik seharusnya menyumbang kepada peningkatan berterusan kesejahteraan komuniti menerusi usaha inovasi sosial. Kajian ini melihat sejauh mana wakaf tunai yang diperuntukkan di dalam sektor pendidikan menyumbangkan kepada daya inovasi komuniti setempat. Kajian ini dijalankan secara pendekatan kuantitatif melibatkan peruntukan wakaf tunai ke atas sekolah menerusi pembiayaan beberapa unit televisyen bagi membantu sesi pembelajaran pelajar sekolah. Instrumen kajian merupakan sebuah borang selidik yang dibangunkan dengan menumpukan ke atas skor penggunaan TV oleh para guru serta profil guru yang berpotensi mempengaruhi kadar penggunaan kemudahan TV di sekolah. Hasil kajian memaparkan skor penggunaan kemudahan TV agak rendah dan ia amat dipengaruhi oleh profil guru yang berbeza.

Keywords: Profil Guru, kemudahan wakaf, wakaf tunai, sekolah, kadar penggunaan.

Abstract: Waqf is a form of asset that needs to be managed effectively to ensure that the economic benefits of Islam can be enjoyed by the ummah in both the short and long term. A well-structured waqf management system should contribute to the continuous improvement of community well-being through social innovation initiatives. This study examines the extent to which cash waqf allocated to the education sector contributes to the innovation capacity of the local community. The research adopts a quantitative approach, focusing on the allocation of cash waqf to schools through the financing of several television units to support students'

learning. The research instrument is a questionnaire designed to measure teachers' usage scores of the televisions, as well as the teacher profiles that may influence the level of utilization of these facilities in schools. The findings reveal that the utilization scores of the televisions are relatively low and are significantly influenced by the differing profiles of teachers.

Keywords: *Teacher Profile, Waqf Facilities, Cash Waqf, School, Usage Rate*

Pengenalan

Wakaf merupakan satu bentuk endowmen Islam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi dan komuniti di Malaysia. Berasaskan prinsip Islam, wakaf melibatkan pengagihan aset atau harta untuk tujuan kebajikan, bagi memastikan manfaatnya berterusan kepada ummah (Kamaruddin & Martiman, 2018). Secara tradisinya, aset wakaf di Malaysia digunakan untuk inisiatif berkaitan agama, pendidikan, dan kebajikan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan mampan (Mohamad et al., 2012). Justeru sebagai aset penting dalam pembangunan ekonomi islam, ia sewajarnya menyumbang kepada pembangunan ummah menerusi pelbagai sektor khususnya sektor pendidikan.

Penggunaan wakaf tunai dalam sektor pendidikan menunjukkan anjakan paradigma dalam pengurusan aset wakaf ke arah pendekatan yang lebih dinamik dan berimpak tinggi (Yaacob & Yusof, 2016). Salah satu contoh inovatif ialah peruntukan wakaf tunai bagi penyediaan televisyen di sekolah. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh infrastruktur pembelajaran, tetapi turut menyokong transformasi pedagogi berasaskan teknologi yang lebih interaktif dan menarik.

Televisyen berfungsi sebagai medium pembelajaran yang efektif, terutama dalam menyampaikan kandungan visual seperti dokumentari, animasi pendidikan, dan siaran pembelajaran interaktif. Kandungan seperti ini membantu pelajar memahami konsep yang kompleks dengan lebih mudah, selain meningkatkan minat dan tumpuan dalam bilik darjah (Abu Bakar et al., 2020). Ia juga memberikan peluang pembelajaran yang lebih saksama, khususnya bagi sekolah luar bandar yang mungkin tidak mempunyai akses kepada sumber pengajaran berteknologi tinggi.

Dalam konteks inovasi, penggunaan televisyen melalui dana wakaf tunai juga mencerminkan adaptasi sistem pendidikan terhadap Revolusi Industri 4.0, yang menuntut integrasi teknologi digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PPPM 2013–2025; Noh, 2018). Pendekatan ini selari dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menggalakkan inovasi berteraskan ICT di sekolah.

Lebih penting, penggunaan wakaf tunai untuk keperluan pendidikan seperti televisyen menandakan perluasan konsep wakaf dari sekadar sumbangan tradisional seperti tanah dan bangunan, kepada bentuk pelaburan sosial yang bersifat kontemporari dan responsif terhadap keperluan semasa (Yaacob & Yusof, 2016). Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana wakaf tunai yang diperuntukkan dimanfaatkan secara optimum oleh penerima.

Ulasan Karya

Wakaf secara umumnya boleh diklasifikasikan kepada dua kategori utama, iaitu Wakaf Am dan Wakaf Khas (Yusof et al., 2022; Kamaruddin & Martiman, 2018). Wakaf Am merujuk kepada endowmen di mana pewakaf tidak menetapkan penerima atau tujuan tertentu. Sebaliknya, pengurusan wakaf ini diserahkan kepada badan berkuasa seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), yang akan menyalurkan aset wakaf tersebut kepada tujuan yang paling sesuai demi kebajikan ummah (Mohamad et al., 2012).

Sebaliknya, Wakaf Khas ialah bentuk wakaf yang mana pewakaf secara khusus menetapkan tujuan, penerima manfaat, atau projek tertentu. Aset wakaf ini diurus dan digunakan mengikut niat pewakaf tanpa penyimpangan. Biasanya wakaf jenis ini disalurkan kepada institusi, individu atau usaha inisiatif sosial tertentu, seperti pembiayaan biasiswa, pembinaan masjid, atau perkhidmatan kesihatan (Yaacob et al., 2015).

Selain wakaf berasaskan aset, wakaf tunai merupakan satu bentuk endowmen yang digunakan untuk pelaburan atau pembiayaan program kebajikan (Azrak, 2022). Di Malaysia, wakaf tunai telah berkembang sebagai instrumen kewangan Islam yang menyumbang kepada pembiayaan sektor utama seperti pendidikan, kesihatan dan infrastruktur awam (Hasan, 2018). Dalam konteks pembangunan pendidikan, wakaf tunai digunakan untuk membiayai universiti, sekolah agama, biasiswa, dan pusat pembelajaran Islam (Hassan & Noor, 2021).

Institusi utama yang bertanggungjawab dalam menerima dan mengurus dana wakaf tunai ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di setiap negeri. Namun, bagi memastikan pelaksanaan dan pentadbiran wakaf tunai yang lebih berkesan, pengurusan dana ini kadangkala diserahkan kepada agensi yang dilantik (Yayasan Waqaf Malaysia, 2025). Agensi-agensi ini membantu melaksanakan program berkaitan wakaf, memastikan dana digunakan mengikut niat asal pewakaf dan sejajar dengan objektif pembangunan komuniti serta kesejahteraan sosioekonomi masyarakat (Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2022).

Wakaf tunai memainkan peranan penting dalam menyokong sektor pendidikan, terutamanya dalam mempertingkatkan kemudahan sekolah dan penyediaan peralatan asas. Di Malaysia, dana wakaf tunai sering digunakan untuk pembelian peralatan sekolah, kemudahan bilik darjah, bahan bantu mengajar, dan alat pembelajaran digital (Hasan, 2018; Hassan & Noor, 2021). Sumbangan ini dapat membantu meningkatkan kualiti pendidikan dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk pelajar dan guru (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2022).

Namun begitu, penempatan pelbagai kemudahan di sekolah melalui sumbangan wakaf tunai tidak semestinya memberi kesan yang besar, terutamanya dari segi kadar penggunaannya. Sebagai contoh, kemudahan seperti televisyen yang bertujuan meningkatkan kaedah pembelajaran interaktif memerlukan penilaian lanjut bagi menentukan keberkesanannya dalam mempertingkat pengalaman pembelajaran (Ahmad & Mohamad, 2019).


Selain itu, kajian mendalam terhadap profil penerima manfaat aset wakaf perlu dilakukan terlebih dahulu untuk memastikan kadar penggunaan yang tinggi, sekali gus memaksimumkan sumbangannya terhadap prestasi dan kecemerlangan sekolah (Ismail et al., 2021). Profil pengguna yang berbeza lazimnya akan membawa kepada kadar penggunaan yang berbeza, kerana gaya kerja yang berbeza turut dipengaruhi oleh ciri profil masing-masing (Kumala et al., 2022).

Justeru, kepelbagaian profil guru di sekolah—dari segi umur, jantina, atau sesi persekolahan dilihat menyumbang kepada perbezaan dalam penggunaan kemudahan yang disediakan (Mofreh et al., 2021; Salvan & Hambre, 2020). Walaupun kemudahan seperti televisyen di sekolah sememangnya menyokong pembelajaran sendiri yang lebih interaktif (Brown, 2018), kesediaan guru untuk menggunakannya turut bergantung kepada subjek yang diajar serta kaedah pengajaran masing-masing Law et al., 2015) yang mana berbeza mengikut tahap pengalaman sepanjang tempoh perkhidmatan mereka (Johnson et al., 2019).

Kaedah Penyelidikan

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif melibatkan sebuah sekolah menengah yang telah mendapat peruntukan wakaf tunai dari Majlis Agama Islam Negeri bagi pembiayaan beberapa unit televisyen di sekolah. Sebanyak enam unit televisyen telah ditempatkan di beberapa lokasi bilik di sekolah. Ianya termasuklah Bilik Mesyuarat, Bilik SKPMg2, Kelas Gigih (Pendidikan Khas), Kelas Digital, Bengkel PVMA dan Pusat Sumber. Seramai 83 orang guru yang sedang berkhidmat di sekolah terlibat merupakan responden yang telah memberi maklumbalas ke atas borang selidik yang diedarkan sebagai instrumen kajian. Soalan borang selidik yang dibangunkan dengan 5 skor jawapan dan tertumpu kepada tahap penggunaan kemudahan televisyen oleh guru bagi tujuan pembelajaran di sekolah. Data kajian melibatkan profil guru, kadar penggunaan kemudahan TV oleh guru hasil sumbangan wakaf tunai oleh Majlis Agama Islam Negeri dan pandangan guru terhadap faedah penggunaan TV bagi sesi pembelajaran secara visual. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi melihat taburan profil guru, skor penggunaan ke atas TV yang disediakan dan persepsi guru terhadap pembelajaran secara visual menerusi TV. Seterusnya bilik penempatan TV yang mencatatkan skor penggunaan terendah dijalankan analisis korelasi dengan semua profil guru bagi melihat profil guru yang manakah menjadi faktor penyumbang skor penggunaan kemudahan TV di sekolah bagi tujuan pembelajaran. Analisis inferensi diteruskan dengan ujian chi square bagi melihat hubungan yang berpotensi antara pemboleh ubah profil guru dengan skor penggunaan bilik yang terpilih hasil dari cerapan analisis deskriptif sebelumnya.

Hasil Penyelidikan



Gambarajah 1: Subjek yang diajar oleh responden Kajian

Gambarajah 1 memaparkan taburan subjek yang diajar oleh guru yang terlibat sebagai responden kajian. 21.7% merupakan guru yang mengajar pendidikan jasmani, manakala subjek bahasa masing-masing mencatatkan nilai 9.6% bagi subjek Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.


Jadual 1: Peratusan taburan profil responden

Kriteria Profil		Tempoh perkhidmatan Guru (Tahun)					Jumlah	
		< 5	5-10	11-15	16-20	>21		
Umur Guru	20-30	6.0	0.0	0.0	0.0	0.0	6.0	100 %
	31-40	6.0	7.2	6.0	0.0	0.0	19.3	
	41-50	18.1	13.3	4.8	3.6	3.6	43.4	
	51-60	10.8	8.4	6.0	0.0	6.0	31.3	
Status perkahwinan	Belum Berkahwin	4.9	1.2	1.2	0.0	0.0	7.3	100 %
	Berkahwin	32.9	28.0	15.9	2.4	9.8	89.0	
	Duda/ Janda	2.4	0.0	0.0	1.2	0.0	3.7	
Jantina	Lelaki	6.0	2.4	1.2	1.2	4.8	15.7	100 %
	Perempuan	34.9	26.5	15.7	2.4	4.8	84.3	
Jarak Kediaman Sekolah	< 5 km	15.7	9.6	4.8	1.2	0.0	31.3	100 %
	21- 30 k	6.0	3.6	1.2	0.0	1.2	12.0	
	6-20 Km	19.3	15.7	10.8	2.4	8.4	56.6	
Sesi Bertugas	Pagi	33.7	24.1	15.7	3.6	7.2	84.3	100 %
	Petang	7.2	4.8	1.2	0.0	2.4	15.7	
Jenis Pengangkutan	Kereta/	39.8	26.5	16.9	2.4	8.4	94.0	100 %
	Motosikal	1.2	2.4	0.0	1.2	1.2	6.0	

Jadual 1 memaparkan profil guru mengikut tempoh perkhidmatan disekolah yang terlibat dan diikuti dengan beberapa profil lain seperti umur, status perkahwinan, jantina, jarak tempat tinggal ke sekolah, sesi bertugas, dan jenis pengangkutan yang digunakan untuk kesekolah.

Majoriti guru berumur 41-50 tahun (43.4%) dan 51-60 tahun (31.3%), menjadikan mereka kumpulan umur paling dominan dalam kalangan guru. Guru berumur 20-30 tahun hanya mewakili 6.0%, menandakan jumlah guru muda adalah rendah. Tempoh perkhidmatan tertinggi dalam kategori ini dimiliki oleh mereka dalam lingkungan 41-50 tahun. Sebahagian besar guru telah berkahwin (89.0%), dan kumpulan ini mendominasi semua kategori tempoh perkhidmatan, diikuti dengan guru belum berkahwin (7.3%) dan Duda/janda hanya 3.7%, yang kebanyakannya berkhidmat melebihi dari 21 tahun. Guru perempuan merupakan majoriti (84.3%), manakala lelaki hanya 15.7%.

Sebahagian besar guru (56.6%) tinggal antara 6–20 km dari sekolah. Hanya 31.3% tinggal kurang dari 5 km, manakala 12.0% tinggal 21–30 km dari sekolah. Ini menunjukkan ramai guru perlu bergerak dalam jarak yang sederhana jauh untuk ke tempat kerja. Kebanyakan guru bertugas pada sesi pagi (84.3%), dan selebihnya pada sesi petang (15.7%). 94% semua guru menggunakan kereta sebagai pengangkutan utama, manakala hanya 6.0% menggunakan motosikal.



Gambarajah 2: Kadar Penggunaan guru terhadap TV di lokasi yang berbeza.

Gambarajah 2 menunjukkan bahawa penggunaan televisyen disekolah dalam kalangan guru secara umumnya masih sangat rendah. Lebih daripada 70% responden didapati tidak pernah menggunakan televisyen iaitu Pusat Sumber (71.5%), Bengkel PVMA (89.5%), Kelas Digital (80.7%), Kelas Gigih (Pendidikan Khas) (88.8%), Bilik SKPMg2 (64%) dan Bilik Konferensi (55.9%). Bilik Konferensi mencatatkan peratusan tertinggi bagi penggunaan secara berkala (jarang hingga kadang-kadang) iaitu sebanyak 28.6% serta penggunaan yang lebih aktif (jarang hingga kadang-kadang) iaitu sebanyak 29.8% ke atas Bilik SKPMg2. Manakala Lokasi dengan penggunaan tertinggi secara konsisten (kerap + selalu) ialah di bilik Konferensi (15.6%) dan Bilik SKPMg2 (6.2%). Ini menunjukkan bahawa peruntukan unit televisyen di sekolah belum dimanfaatkan secara optimum untuk pembelajaran.

Jadual 2: Skor purata faedah penggunaan TV dalam menyampaikan pelajaran secara visual disekolah

Faedah penggunaan TV dalam menyampaikan pelajaran secara visual disekolah	Skor Purata
Menjadikan pembelajaran lebih menarik dan interaktif	2.25
Membantu pelajar memahami konsep yang sukar dengan lebih baik.	2.53
Memberi pendedahan yang meluas berhubung budaya, sains, sejarah, dan isu global.	2.54
Memperjelaskan konsep yang sukar	2.59
Mewujudkan sesi interaktif didalam kelas	2.57
Meningkatkan motivasi kepada pelajar	2.52
Memberikan inspirasi kepada pelajar	2.53
Meningkatkan minat belajar	2.51
Skala Ukuran:	
1 Sangat Tidak Setuju	
2. Tidak Setuju	
3. Neutral	
4. Setuju	
5 Sangat Setuju	

Jadual 2 memaparkan pandangan guru terhadap peranan TV dalam menyumbang kepada pembelajaran pelajar sekolah. Penggunaan TV yang berupaya memperjelaskan konsep pembelajaran yang sukar mencatatkan skor tertinggi (2.59). Ini menunjukkan guru bersetuju secara sederhana bahawa TV membantu dalam menjelaskan topik atau konsep yang kompleks, contohnya melalui video grafik, animasi atau dokumentari pendidikan. TV juga turut menjadi alat bantu visual yang lebih menarik dan berkesan (2.58). TV juga dilihat berpotensi mewujudkan suasana kelas yang lebih interaktif (2.57) terutamanya jika disertakan dengan aktiviti susulan seperti perbincangan atau kuiz berdasarkan rancangan TV yang ditonton. Malah menerusi kemudahan TV para guru dapat memperluas pemikiran pelajar terhadap dunia luar (2.54) dengan memperkenalkan mereka kepada pelbagai budaya, sejarah dan perkembangan semasa melalui dokumentari atau berita Pendidikan. Selain itu TV juga membantu pelajar untuk lebih memahami topik yang abstrak atau teknikal dengan bantuan visualisasi dan contoh konkrit (2.53). Para guru juga percaya TV mampu menarik minat dan memberi rangsangan positif kepada pelajar, namun tahap motivasi yang diberi mungkin bergantung kepada jenis kandungan yang ditayangkan (2.52). Namun kajian juga menunjukkan peranan TV dalam menimbulkan minat belajar masih sederhana (2.52). Malah masih terdapat guru yang kurang yakin dengan penggunaan TV yang dapat menjadikan pembelajaran lebih menarik dan interaktif susulan dari skor terendah iaitu 2.25. Secara keseluruhan, skor purata bagi semua item menunjukkan bahawa guru bersikap agak neutral dan sedikit cenderung bersetuju terhadap peranan TV dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Peranan TV dilihat paling berkesan dalam aspek menyampaikan pelajaran secara visual dan membantu memahami konsep yang sukar, manakala peranannya dalam menjadikan pembelajaran lebih menarik dan interaktif masih diragui oleh sesetengah guru.

Jadual 3: Ujian Chi Square

Profil Guru	Pearson Chi-Square Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Umur	176.618 ^a	20	.000
Jantina	155.184 ^a	10	.000
Jarak Kediaman Sekolah	163.242 ^a	15	.000
Sesi Bertugas	146.846 ^a	10	.000
Jenis Pengangkutan	148.535 ^a	10	.000
Subjek diajar	275.479 ^a	75	.000
StatusPerkahwinan	158.677 ^a	15	.000

Jadual 3 memaparkan keputusan ujian Chi-Square yang melihat hubungan korelasi antara semua pemboleh ubah profil guru yang dikaji serta signifikannya terhadap skor penggunaan televisyen di bilik digital sekolah. Ini ditunjukkan melalui nilai Asymptotic Significance (2-sided) yang kesemuanya adalah .000, iaitu kurang daripada aras signifikan biasa ($p < 0.05$), yang membuktikan hubungan yang signifikan secara statistik.

Bagi profil Umur ($\chi^2 = 176.618$, $df = 20$, $p = .000$), hasil analisis memaparkan hubungan signifikan antara umur guru dan penggunaan TV di bilik digital. Ini mungkin menunjukkan bahawa guru yang lebih muda atau berpengalaman lebih cenderung untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran berbanding kumpulan umur lain.

Begitu juga dengan profil jantina yang turut memainkan peranan penting ke atas skor penggunaan televisyen di bilik Digital ($\chi^2 = 155.184$, $df = 10$, $p = .000$). Ini mungkin

disebabkan terdapat perbezaan sikap atau pendekatan antara guru lelaki dan perempuan dalam mengintegrasikan TV sebagai bahan bantu mengajar.

Manakala aspek Jarak Kediaman ke Sekolah ($\chi^2 = 163.242$, $df = 15$, $p = .000$) memaparkan para guru yang tinggal lebih dekat ke sekolah mungkin lebih fleksibel dan aktif dalam menggunakan fasiliti sekolah seperti bilik digital, berbanding mereka yang tinggal lebih jauh. Manakala sesi pembelajaran yang berbeza antara pagi dan petang turut menyumbang kadar waktu yang berbeza bagi pembelajaran digital yang tersusun (Sesi Bertugas ($\chi^2 = 146.846$, $df = 10$, $p = .000$)). Sementara itu para guru yang memiliki kenderaan sendiri berkemungkinan lebih mudah mengakses sumber pengajaran luar dan membina bahan bantu, termasuk yang berkait dengan penggunaan TV secara digital ($\chi^2 = 148.535$, $df = 10$, $p = .000$). Ini mungkin disebabkan oleh penggunaan kenderaan sendiri yang lebih fleksibel yang memudahkan para guru menyediakan bahan sokongan sampingan serta merancang masa dan corak pembelajaran yang lebih sistematik. Subjek Diajar ($\chi^2 = 275.479$, $df = 75$, $p = .000$) juga memberi pengaruh yang kuat terhadap penggunaan TV. Subjek seperti Sains, Geografi atau Bahasa Inggeris mungkin lebih sesuai dengan penggunaan bahan visual yang ditayangkan melalui TV. Begitu juga dengan Status Perkahwinan guru ($\chi^2 = 158.677$, $df = 15$, $p = .000$), dimana didapati turut signifikan terhadap skor penggunaan TV di bilik digital. In berkemungkinan guru yang belum berkahwin mempunyai lebih banyak masa dan tenaga untuk meneroka kaedah pengajaran inovatif seperti penggunaan TV berbanding guru yang telah berkahwin.

Kesimpulan

Secaram amnya, walaupun televisyen telah disediakan melalui peruntukan wakaf tunai, penggunaannya oleh guru untuk tujuan pembelajaran masih amat terhad, khususnya di ruang pembelajaran utama seperti Kelas Digital dan Kelas Gigih. Ini menunjukkan bahawa kekangan dalam latihan atau kesediaan guru untuk menggunakan teknologi tersebut perlu ditangani segera integrasi yang jelas dalam kurikulum. Keberkesanan penggunaan teknologi seperti TV dalam pendidikan bukan sahaja bergantung kepada ketersediaan kemudahan tetapi turut dipengaruhi oleh ciri-ciri demografi dan logistik guru itu sendiri. Oleh itu, dalam merancang inisiatif inovasi pendidikan, seperti penggunaan wakaf tunai untuk menyediakan TV digital di sekolah, adalah penting untuk mempertimbangkan profil guru agar intervensi tersebut benar-benar efektif dan memberi impak kepada pengajaran dan pembelajaran. Impak wakaf tunai dalam menyediakan televisyen untuk inovasi pendidikan juga boleh ditingkatkan dengan sokongan latihan ICT untuk guru selain aktiviti pemantauan dan penyelarasan penggunaan kemudahan bilik khas secara efektif dalam PdPc. Penggunaan TV dalam pembelajaran juga wajar mengambilkira kandungan, strategi pengajaran dan aktiviti lanjutan, agar ia benar-benar memberi impak yang lebih positif dan menyeluruh kepada pelajar.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas peluang dan kerjasama yang telah diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), yang telah menyumbangkan dana bagi pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Abu Bakar, M., Mahamod, Z., & Ahmad, J. (2020). Penggunaan media visual dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 34–45.
- Abdul Rahman, A., Hassan, S., & Jusoh, W. N. H. W. (2020). Waqf Property Management: Issues and Solutions. *Journal of Islamic Finance*, 9(1), 1-12.
- Ahmad, S., & Mohamad, M. T. (2019). Evaluating the Effectiveness of Waqf-Based Educational Facilities: A Case Study Approach. *International Journal of Islamic Studies*, 11(2), 45-60.
- Azrak, T. (2022). The Roles of Cash Waqf in Improving the Economic Welfare: Case Study of Turkey. *The Journal of Management Theory and Practice (JMTP)*, 3(1), 42-47. <https://doi.org/10.37231/jmtp.2022.3.1.200>
- Hasan, Z. (2018). Innovative Financing through Cash Waqf: The Malaysian Experience. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Hassan, M. K., & Noor, A. H. M. (2021). The Role of Cash Waqf in Sustainable Economic Development in Malaysia. *Journal of Islamic Finance*.
- Ismail, A., Hassan, N., & Noor, F. (2021). The Role of Waqf in Enhancing Educational Infrastructure: An Empirical Analysis. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Development*, 5(1), 78-95.
- Law, M., Kwong, W., Friesen, F., Veinot, P., & Ng, S. L. (2015). The current landscape of television and movies in medical education. *Perspectives on Medical Education*, 4(5), 218–224. <https://doi.org/10.1007/s40037-015-0205-9>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (2022). Laporan Prestasi Saham Wakaf Johor.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2022). Laporan Wakaf Pendidikan dan Infrastruktur Sekolah di Malaysia.
- Mohamad, M. T. S., Ali, M. M., & Muhamed, N. (2012). Waqf as an Islamic Wealth Management Instrument: A Review of the Waqf Practices of Malaysia and Singapore.
- Mofreh S, A, M, Salem S, Lian L, H, Khairani A, Z, and Napeah R, M. (2021). Demographic Profiling
- Noh, N. M. (2018). Pendidikan dan Revolusi Industri 4.0: Cabaran dan Strategi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 1–10.
- Kamaruddin, M. I. H., & Martiman, I. (2018). Waqf Development in Malaysia: Issues and Challenges. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5), 723-734.
- Kumala, F. N., Ghufroon, A., & Pujiastuti, P. (2022). Elementary school teachers' TPACK profile in science teaching based on demographic factors. *International Journal of Instruction*, 15(4), 77-100. <https://doi.org/10.29333/iji.2022.1545a>
- PPPM (2013–2025). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Salvan, V. J. C. Hambre, M. M. (2020) Teachers' Demographic Profile on the Learners' Performance Using K-12 Earth and Space module, *Journal of Education & Social Policy*, Vol. 7, No. 4, doi:10.30845/jesp.v7n4p14
- Yaacob, H., Ibrahim, M. F., & Amir, A. M. (2015). Issues and Challenges in Developing Waqf Properties: The Case of Malaysia.
- Yusof H., Yahya S.A., Abu J., Hasin H., Othman N. F., Awang A., Abd Wahid M. R, Mat Yusof M. Y, Zakaria S. R. A, Saad N. F., Zainal N. H, Mohd Mukhtar M. S, Hassan H. A, Mohd M., Selamat L., Azmi A. N, Hariri K., Yusoff Y. M. (2022). 40 Hadis berkaitan pentadbiran dan pengurusan tanah di Malaysia. *Bahagian Pengurusan dan perundangan Tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Putrajaya, Malaysia*

- Yaacob, H., & Yusof, M. A. (2016). Transformasi wakaf dalam pembangunan pendidikan: Ke arah model pelaksanaan wakaf kontemporari di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 24(2), 187–212.
- Yayasan Waqaf Malaysia. (2025). Soalan Lazim – Penyaluran dana wakaf tunai. Dalam Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia. Diperoleh dari sumber rasmi Yayasan Waqaf Malaysia. https://ywm.gov.my/soalan-lazim?utm_source=chatgpt.com